

# Perlu diputus Majlis Presiden PH

Sinar Harian - 12/12/2019 m/s:7

**Penganalisis berpendapat Pakatan Harapan perlu buat keputusan secara konsensus**

JUANI MUNIR ABU BAKAR

SHAH ALAM

**M**ajlis Presiden Pakatan Harapan (PH) perlu membuat keputusan secara konsensus sama ada peralihan kuasa Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu berlaku pada Mei atau selepas November 2020.

Ketua Penyelidik Ilham Centre, Dr Mohd Yusri Ibrahim berkata, badan tertinggi dalam PH adalah Majlis Presiden selaku organisasi utama yang membuat semua keputusan penting termasuk proses peralihan kepimpinan negara daripada Dr Mahathir kepada Anwar.

"Sama ada telah ada perjanjian atau tidak bahawa proses transisi itu perlu berlaku dua tahun selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), itu adalah urusan Majlis Presiden PH untuk kendalikkannya," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Menurut Mohd Yusri lagi, rakyat telah memberi mandat kepada PH untuk memerintah Malaysia melalui PRU14 dan perlu menjadi keutamaan.

"Paling penting pastikan per-



DR MOHD YUSRI



WONG CHEN



TIAN CHUA

alihan tersebut berlangsung dengan lancar tanpa merisikokan negara dan rakyat," katanya.

Dr Mahathir dalam wawancara kepada Reuters kelmarin menegaskan, beliau berjanji menyerahkan kuasa kepada Anwar dan perkara itu tidak akan berlaku sebelum Sidang Kemuncak Kerjasama

Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang dijangka berlangsung di Kuala Lumpur pada November 2020.

Sementara itu, Ahli Parlimen Subang, Wong Chen berkata, isu peralihan kuasa perlu dibincangkan di peringkat Majlis Presiden PH kerana perkara tersebut perlu diputuskan secara kolektif

"Sesiapa boleh cakap berkenaan tarikh peralihan kuasa, tetapi

bagi saya, akhirnya ia perlu dibincangkan dan diputuskan secara demokratik di peringkat Majlis Pimpinan PH," katanya.

Selain itu, Naib Presiden PKR, Tian Chua pula berpendapat, berita peralihan kuasa Perdana Menteri bukan satu perkara baharu kerana ia sudah dibincangkan sejak tahun 2018.

Malah katanya, perkara itu sudah diulang oleh Dr Mahathir yang menegaskan bahawa beliau akan menunaikan janjinya untuk menyerahkan kuasa kepada Ahli Parlimen Port Dickson itu.

"Bagi saya itu bukan adalah berita baharu kerana perkara ini sudah banyak kali disebut Perdana Menteri. Saya pun telah jelaskan tentang perkara ini dalam Kongres Nasional PKR baru-baru ini, jangan sebut lagi isu peralihan kuasa," katanya.

**ISU PERALIHAN KUASA PM**